

25 JUN 1998

Mahathir-ekonomi

SAYA BERKUASA PENUH SOAL EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berkuasa penuh terhadap ekonomi negara walaupun faktor luaran masih wujud.

"Dalam negeri, saya berkuasa penuh tetapi malangnya urusan dalam negeri dikendalikan dari luar," katanya kepada pemberita selepas melancarkan satu pameran industri kecil dan sederhana di sini.

Perdana Menteri berkata demikian kepada soalan sama ada pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri bermakna beliau (Mahathir) mempunyai kuasa penuh dalam soal ekonomi.

Ahad lepas semasa berucap menutup Perhimpunan Agung Umno di sini, Dr Mahathir berkata beliau yakin ekonomi akan pulih sepenuhnya dalam masa tiga bulan sekiranya beliau berkuasa penuh dalam soal ekonomi.

Beliau berkata pelantikan Daim tidak bermakna Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak melaksanakan tugasnya dengan baik dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Ketika ditanya jika berlaku pertindihan dasar dan kementerian mana yang mempunyai keutamaan dalam kes sedemikian, beliau berkata : "Tidak ada keutamaan, (kerana) keutamaan ialah kepada negara. Kedua-duanya termasuk saya, harus mengalah, jika ianya penting kepada negara."

Dr Mahathir berkata Daim perlu melupakan kepentingan perniagaannya tetapi itu akan mengambil sedikit masa.

Katanya Daim akan kekal sebagai menteri sehingga kegawatan ekonomi berakhir dan akan terus memegang jawatan pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Sama ada akan berlaku lagi perubahan dalam Kabinet, Dr Mahathir berkata : "Mereka sentiasa bercakap, ia (pelantikan Daim) memeranjatkan kamu semua, betulkan?"

Ditanya kenapa pelantikan itu dibuat beberapa hari selepas Perhimpunan Agung UMNO, beliau berkata ia boleh dilakukan pada bila-bila masa.

"Jika ianya dibuat pada masa lain, kamu akan kaitkan dengan perkara lain pula. Nampak seperti ia ada kaitan atau disengajakan," katanya.

Ketika ditanya sama ada pelantikan Daim adalah petanda Anwar semakin hilang kuasa, Dr Mahathir berkata: "Kamu kena tanya Daim dan Anwar. Saya tidak boleh menjawabnya tetapi kamu boleh buat anggaran sendiri kerana apa saja jawapan kami, kamu sudahpun membuat kesimpulan."

Dr Mahathir berkata beliau telahpun menjelaskan bahawa pelantikan itu dibuat kerana status Daim (sebagai pengarah eksekutif MTEN) tidak diterima oleh negara asing dan ini menyukarkan kerajaan untuk menugaskan beliau bagi merundingkan sesuatu.

Ketika diminta menghuraikan tugas Daim dan kenapa beliau memilih bekas Menteri Kewangan itu untuk jawatan berkenaan, Dr Mahathir berkata: "Kita telah meminta beliau berbincang dengan banyak pihak di luar negara dan saya dapati beliau tidak mempunyai akses."

Kepada soalan sama ada beberapa jabatan di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan diletakkan di bawah Daim, Dr Mahathir berkata : "Tidak, ia kementerian berasingan."

Ditanya sama ada dengan portfolio barunya, Daim akan menangani perkara seperti pelaburan asing dan perbankan, beliau berkata : "Selama inipun kita melakukannya di bawah MTEN. Apabila kita berbincang dalam majlis am MTEN, wakil MITI turut hadir."

Bagaimanapun, majlis eksekutif MTEN yang hanya mempunyai lima anggota, turut membincangkan semua perkara, katanya.

-- BERNAMA

ARA MAI